

“Jangan hanya tahu melaungkan keagungan Islam,” kata Dr. M.

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mahu umat Islam hanya tahu melaungkan keagungan Islam sedangkan pada hakikatnya mereka adalah lemah dan cuba berselindung di sebalik laungan tersebut.

Perdana Menteri mahu umat Islam berani berhadapan dengan kebenaran bahawa mereka bukan sahaja lemah tapi mundur serta kurang kemampuan dalam segala-galanya.

Tegasnya, cuma setelah menyedari hakikat tersebut barulah umat Islam dapat mengambil langkah-langkah pembetulan untuk mengeluarkan diri mereka dari keadaan yang dihinakan dan diejek-ejekkan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan, tidak ada cara yang paling berkesan bagi menjamin masa depan umat Islam kecuali dengan meningkatkan disiplin dan kesungguhan di dalam semua lapangan termasuk lapangan pekerjaan.

Katanya, disiplin dan kesungguhan dalam Islam bukan terhad kepada amalan sembahyang sahaja kerana Islam tidak semata-mata satu kepercayaan, tapi jua satu cara hidup yang meliputi semua gerak-geri kehidupan penganutnya.

“Di samping menjalankan amalan ibadat kita dengan penuh disiplin dan khusyuk serta bersungguh-sungguh kita jua hendaklah bekerja dan berusaha mengikut landasan disiplin dan kesungguhan yang dikehendaki oleh Islam.

“Orang yang enggan bekerja, malu dengan sesuatu pekerjaan yang halal atau cuma meminta-minta sahaja dari orang lain ataupun tidak mahu bekerja bersungguh-sungguh adalah dihina dalam Islam,” katanya.

Begitu jua, tegas beliau, desakan Kerajaan supaya rakyat Malaysia mempelajari cara bekerja dari Jepun dan Korea adalah selaras dengan hadis Nabi dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. (Dipetik dari Utusan Melayu Jun 14 1982 di bawah tajuk, “Musabqah Peringkat Kebangsaan Bermula Umat Islam Mesti Berani — Mahathir”)

Komen Penulis:

Oleh kerana apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah menjelaskan maksudnya sendiri, maka komen penulis amatlah ringkas sekali.

Pertama, laungan mengenai “keagungan Islam” tidak akan memperkuatkan sesebuah negara yang lemah, atau membawa kemajuan kepada penganut-penganut yang berada dalam kemunduran. Laungan berkenaan (samalah dengan laungan-laungan lain) akan berupa laungan “kosong”, jika hanya tidak disertai oleh “tindakan” atau “usaha” yang sewajarnya. Kerana

laungan seperti itu tidak dengan sendirinya mengandungi “magic” atau “hikmat”, seperti perkataan “open sesame”, umpamanya, yang di satu ketika boleh membuka pintu gua yang berisi emas dan batu permata.

Dan seperti berulang kali disuarakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, bahawa apa yang dilakukan oleh orang-orang Jepun dan Korea dalam konteks disiplin, minat, kesetiaan dan kededikasiaan terhadap kerja — yang sepatutnya dicontohi oleh rakyat negara ini — adalah terhad kepada amalan yang “baik” sahaja, yakni, yang tidak berlawanan dengan ajaran Islam, undang-undang atau Rukun Negara.

Dalam bahasa lain, Dr. M tidaklah pula, misalnya, mahukan pengurus-pengurus syarikat di Negara kita supaya mengamalkan “hara-kiri” yakni secara sukarela mengeluarkan isi perut sendiri dengan hujung pedang, jika dan bila sahaja mereka itu melakukan satu-satu perkara yang mengulbank....

Ataupun dari segi disiplin pula, Dr. M tentu sekali tidak mahukan anggota-anggota keselamatan di Negara kita “meniru” disiplin askar-askar Jepun dalam Perang Dunia ke II dahulu, iaitu di ketika membuang air kecil di tepi jalan, bila sahaja kelihatan Ketua (lebih-lebih lagi yang berbendera kuning, yakni Jeneral) lalu, mereka menjerit “Tuan” sekuat-kuat hati dengan tangan kanan memberi tabik hormat sementara tangan kiri....

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri	2838
No. Penerimaan.....	583/85